



SIARAN MEDIA

BEYOND PDK TRANSFORMASI OKU

KUALA LUMPUR, 12 NOVEMBER - Kerajaan terus komited dan prihatin terhadap pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU) yang turut menjadi agenda penting negara dengan memperuntukkan sejumlah RM 94.1 juta bagi memastikan program-program di Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sejak penubuhan PDK pada 1984, PDK terus mengorak langkah dengan mengadakan pelbagai program dan aktiviti demi pembangunan dan kesejahteraan OKU di PDK. Sepanjang tempoh tersebut, banyak pencapaian PDK yang membanggakan di mana PDK juga turut mengalami transformasi bagi memastikan perkhidmatan PDK sentiasa relevan dan diperlukan masyarakat.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa memikirkan inisiatif baru yang selaras dengan perkembangan semasa bagi memastikan PDK memenuhi kehendak OKU.

“Antara inisiatif baru yang dilaksanakan di PDK adalah pendekatan yang berasaskan *Business Oriented* dan *Social Enterprise* untuk melahirkan OKU yang berkemahiran dalam pelbagai bidang pekerjaan dan perniagaan serta menjadikan OKU lebih berdikari dalam kehidupan mereka.

Oleh itu, OKU juga haruslah merebut peluang dan lebih berusaha dalam membangunkan potensi diri kerana ketidakupayaan bukanlah faktor penghalang utama untuk membentuk diri menjadi lebih maju dan sekaligus menyumbang kepada pembangunan negara,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen PDK Kebangsaan 2014 di Hotel Berjaya Times Square hari ini.

Tambah Rohani lagi, terkini inisiatif lain yang diambil juga adalah dengan mengadakan program-program baharu seperti *Economic Empowerment*

Program (EEP), Job Coach, Disability Equality Training (DET), Program Kumpulan Advokasi Diri OKU dan Independent Living (IL).

“Kita mahukan supaya inisiatif-inisiatif yang dirangka ini dapat meningkatkan potensi, kebolehan dan kemahiran OKU dan seterusnya membuka peluang pekerjaan yang boleh menjana pendapatan serta menjadikan mereka hidup lebih berdikari dalam masyarakat,” katanya.

Turut hadir sama pada program tersebut ialah YBhg Dato’ Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg Dato’ Norani Hj Mohd Hashim, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan pegawai-pegawai kanan KPWKM.

####

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 6, 9-18,
No. 55,
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya.
No.Telefon : 019-233 3110 (Haneem) / 012-376 8760 (Laila)
Tarikh dikeluarkan : 12 November 2014